



# **PARLIMEN MALAYSIA**



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEDUABELAS  
2008**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB  
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB  
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA  
KEMENTERIAN**

**HARI KHAMIS: 6 NOVEMBER 2008**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 7, 13 HINGGA 33)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 6,  
8 HINGGA 12**

**[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

NO : 7

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Puan Norah binti Abd Rahman  
[Tanjong Manis]**

**TARIKH : 6 November 2008 (Khamis)**

**SOALAN : 7**

**Puan Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta  
MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan:**

- (a) apakah pemeriksaan yang diambil untuk memastikan tayar terpakai import ada pada taraf keselamatan sebelum dijual kepada pengguna; dan
- (b) bilangan kemalangan jalan raya akibat penggunaan tayar terpakai import.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan Dan Penggunaan) (Pindaan 2007) telah diwartakan pada 19 November 2007 bertujuan menetapkan piawaian minimum bagi semua jenis tayar bagi kenderaan komersial dan kereta. Kaedah ini akan dikuatkuasakan pada tahun 2009 bagi menangani masalah tayar-tayar yang tidak mematuhi piawaian antarabangsa. Di samping itu, Kerajaan sedang dalam usaha meminda Kaedah berkenaan untuk menetapkan piawaian bagi tayar motosikal.

Semakan dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) mendapati tiada rekod dicatatkan bagi kemalangan jalan raya yang melibatkan penggunaan tayar terpakai import. Walau bagaimanapun, PDRM mempunyai perangkaan berkaitan kemalangan jalan raya yang melibatkan tayar buruk/botak dan tayar celup seperti berikut:

| Punca Kemalangan (Kes) | 2005 | 2006 | 2007 |
|------------------------|------|------|------|
| Tayar Buruk/Botak      | 55   | 29   | 87   |
| Tayar Celup            | 6    | 8    | 15   |

Pada keseluruhannya, bilangan kes kemalangan jalan raya berpunca daripada masalah tayar boleh dianggap kecil kerana iaitu 0.03% daripada jumlah kemalangan jalan raya. Tetapi dari segi wawasan sifar kematian yang ditetapkan oleh Kerajaan, setiap

kemalangan yang melibatkan kecederaan adalah relevan dan perlu diberi fokus melalui program – program intervensi dan rawatan pemulihan.

Tuan Yang Dipertua,

Sukacita dijelaskan bahawa pemeriksaan keadaan tayar merupakan sebahagian dari skop kerja pasukan penyiasatan kes-kes kemalangan di bawah Malaysian Institute Of Road Safety Research (MIROS). Penyiasatan kemalangan dijalankan bagi setiap kes kemalangan yang melibatkan kecederaan bagi kenderaan komersial termasuk kemalangan yang berpunca daripada kerosakan tayar kenderaan.

Di samping itu, Kementerian Pengangkutan telah pun mula melaksanakan Kod Amalan Keselamatan, Kesihatan Dan Persekitaran atau S.H.E untuk sektor pengangkutan awam mulai bulan September 2008 di mana isu – isu keselamatan termasuk kualiti penyenggaraan kenderaan, termasuk tayar kenderaan, adalah sebahagian daripada kod amalan keselamatan tersebut.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK MD.SIRAT BIN ABU**  
**(BUKIT KATIL)**  
**TARIKH : 06.11.2008**

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK MD.SIRAT BIN ABU [ BUKIT KATIL ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah peruntukan yang dibelanjakan sebagai bayaran insentif (BISP) bagi guru-guru dan pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG) yang mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris semenjak ia diperkenalkan, kenapa ada sebilangan pengajar yang belum menerima bayaran ini.

**JAWAPAN.**

Tuan Yang Di Pertua,

Mulai tahun 2003, Kerajaan telah melaksanakan Bayaran Insentif Subjek Pendidikan (BISP) kepada guru-guru dan pensyarah IPG yang mengajar subjek Sains dan Matematik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang dibelanjakan adalah sebanyak **RM250 juta setiap tahun** bagi pelaksanaan BISP tersebut. Perlu dijelaskan bahawa berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Malaysia Bil. 3 Tahun 2003, semua guru dan pensyarah IPG yang memenuhi syarat BISP telah dibayar BISP.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN ROSLAN BIN SHAHARUM  
(BUKIT GANTANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 06.11.2008**

**Tuan Roslan bin Shaharum (Bukit Gantang) minta MENTERI  
KEWANGAN menyatakan:**

- (a) jumlah sebenar projek-projek (ibu pejabat, balai, kompleks logistik, pusat latihan, lokap, maktab dan perumahan polis) di seluruh negara yang diuruskan oleh syarikat Pembinaan BLT Sdn Bhd (PBLT). Berapakah nilai kesemua projek-projek tersebut; dan
- (b) nyatakan kontraktor-kontraktor Bumiputera yang terlibat.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 30 Ogos 2008, sebanyak 105 projek pembangunan Polis Di Raja Malaysia (PDRM) terdiri daripada pembinaan ibu pejabat polis kontinjen negeri dan daerah, balai polis, kuarters, pusat latihan, pangkalan marin, maktab dan lokap telah diluluskan untuk dilaksanakan oleh syarikat

Pembinaan BLT Sdn Bhd (PBLT) dengan anggaran kos sebanyak RM8,203.24 juta.

2. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 60 projek sedang dilaksanakan dalam pelbagai peringkat pembinaan, manakala 4 projek telah pun siap sepenuhnya dan diserahkan kepada PDRM. Antara kontraktor Bumiputera yang terlibat dalam pelaksanaan projek PDRM adalah Hakikat Engineering Sdn Bhd, Debessa Sdn Bhd, SN Akmida Sdn Bhd, Abadjaya Sdn Bhd, Sunissa Sdn Bhd, Erakristal Sdn Bhd dan lain-lain.

**PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B LABIS**  
**TARIKH : 6 OKTOBER 2008 (KHAMIS)**  
**SOALAN : minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI**

**ASAS TANI** menyatakan:

Adakah kerajaan mempunyai piawaian untuk menentukan sama ada sesuatu sayur-sayuran serta buah-buahan yang dijual di pasaran adalah tanaman organik atau tidak. Jika tidak, mengapa?

**JAWAPAN : Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,**

Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) telah memberi penekanan kepada pembangunan pertanian mapan. Selaras dengan dasar tersebut, pihak Kementerian menggalakkan pertanian organik diusahakan sebagai salah satu bidang yang menyumbang kepada pengeluaran makanan negara. Sehubungan dengan itu, pada tahun 2003 melalui Jabatan Pertanian, Kementerian telah memperkenalkan Skim Organik Malaysia (SOM) iaitu program persijilan yang mengiktiraf pemilik ladang yang mengusahakan tanaman makanan organik

mengikuti keperluan yang ditetapkan dalam piawaian organik Malaysia iaitu Malaysia Standard (MS) 1529:2001 *The Production, Processing, Labelling and marketing of Plant-based Organically Produced Foods*. Di bawah pensijilan ini, pengusaha tidak dibenarkan menggunakan bahan kimia bagi mengawal perosak dan juga untuk pembajaan.

Melalui SOM ini, keyakinan pengguna bahawa produk makanan yang dijual adalah tanaman organik dapat disahkan kerana bagi melayakkan pengeluar mendapat sijil piawaian ini beberapa syarat perlu dipatuhi seperti berikut:

- (i) Setiap ladang perlu menyimpan rekod mengenai input yang digunakan, rekod-rekod kawalan perosak dan amalan-amalan ladang yang dilaksanakan. Rekod ini perlu disimpan sekurang-kurangnya 6 bulan bergantung kepada jenis tanaman.
- (ii) Analisis hasil bagi menentukan kandungan sisa baki racun makhluk perosak dan logam berat perlu dijalankan sebanyak 3 kali berturut-turut. Ini akan mengambil masa jika ladang mengusahakan tanaman bermusim.
- (iii) Persijilan akan hanya diberi ladang yang telah memenuhi kesemua syarat yang telah ditetapkan di mana yang akan mengambil masa sekurang-kurangnya 1 1/2 tahun selepas berdaftar untuk SOM .
- (iv) Ladang-ladang yang telah dianugerah persijilan SOM sahaja boleh menjual hasil ladang mereka sebagai produk organik.

Selain dari itu, kementerian juga mengambil bebetrapa langkah bagi mempertingkatkan penggunaan bahan-bahan organik dalam pengeluaran makanan bagi menangani masalah berkaitan penggunaan baja kimia seperti berikut:

- (i) Menggalakkan pemprosesan sisa pertanian seperti jeramui padi, tandan kelapa sawit dan sabut kelapa sawit menjadi kompos (bahan organik) untuk digunakan sebagai baja.
- (ii) Menawarkan latihan kepada petani yang ingin mempelajari cara-cara pembuatan baja kompos.
- (iii) Menyediakan bantuan dengan kadar RM8,000/hektar bagi petani yang berminat mengusahakan perladangan organik yang meliputi kos pembinaan bangsal/rumah untuk penyediaan kompos pada kadar RM6,000/hektar dan input membuat kompos dan baja organik pada kadar RM2,000/hektar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING (TAIPING)  
TARIKH : 6 NOVEMBER 2008 (KHAMIS)

**SOALAN:**

Tuan Nga Kor Ming (Taiping) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan secara terperinci jumlah perbelanjaan yang terlibat dalam penganjuran Monsoon Cup di Terengganu sejak pertandingan kapal tersebut dilancarkan beberapa tahun yang lepas.

**JAWAPAN**

1. Penganjuran Monsoon Cup adalah sebahagian daripada Sirkit "*World Match Racing Tour*". Kerajaan Negeri Terengganu telah melantik T-Best Events Sdn. Bhd. sebagai Pengurus Acara yang telah di beri hak penganjuran untuk tempoh lapan (8) tahun (2005 – 2012). Manakala penganjuran pada tahun ini merupakan tahun keempat (4) yang akan bermula pada 3 hingga 7 Disember 2008 bertempat di Pulau Duyong, Terengganu.
2. Sehingga 2007, kejohanan ini telah diadakan sebanyak 3 kali yang melibatkan peruntukan Kerajaan sebanyak RM46.5 juta. Selain daripada peruntukan Kerajaan, pihak penganjur juga telah memperolehi pendapatan melalui penajaan berbentuk tunai, penjualan cenderamata , jualan tiket dan lain-lain yang berjumlah

RM2,733,970.00 yang turut digunakan bagi kos penganjuran Monsoon Cup ini.

3. Laporan akaun pihak penganjur yang telah diaudit oleh tetuan AljeffriDean Chartered Accountants (M) melaporkan pada 2005, jumlah perbelanjaan keseluruhan bagi penganjuran Monsoon Cup pada tahun tersebut adalah sebanyak RM15,844,280.00 manakala pada tahun 2006 pula, jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM19,772,772.00 dan pada 2007, jumlah perbelanjaan yang telah diaudit adalah sebanyak RM22,611,493.00 menjadikan keseluruhan perbelanjaan penganjuran Monsoon Cup untuk tiga (3) tahun sebanyak **RM58,228,545.00**

PARLIMEN MALAYSIA  
PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : JAWAB LISAN  
DARIPADA : DATO' SERI DR. JAMALUDDIN BIN DATO'  
MOHD JARJIS (ROMPIN)  
TARIKH : 6 NOVEMBER 2008 (KHAMIS)  
SOALAN : DATO' SERI DR. JAMALUDDIN BIN DATO'  
MOHD JARJIS (ROMPIN) minta MENTERI  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
menyatakan :-

Apakah kerajaan mempunyai cadangan bagi membeli atau 'acquire' melalui syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) atau lain-lain ladang-ladang pertanian atau syarikat-syarikat pengeluaran makanan di luar negara yang mampu menjana bekalan makanan kepada negara secara terjamin.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian sentiasa mengambil berat pembangunan sektor agro-makanan dan sentiasa meninjau peluang kerjasama dengan negara-negara luar khususnya negara-negara Dunia Ketiga untuk projek agro-makanan yang boleh dibangunkan dalam usaha menggerakkan lagi jentera pertumbuhan sektor agro-makanan di negara kita.

Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan Projek Pertanian Moden Kluang, Johor, merupakan satu inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran makanan di dalam negara serta menggalakkan penglibatan pihak swasta untuk berkecimpung di dalam bidang agro-makanan. Pembangunan ini melibatkan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan usahawan tani serta sektor swasta.

Sehingga Jun 2008, sebanyak 110 syarikat swasta telah menyertai TKPM termasuk 1 Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) iaitu Malaysian Agrifood Corporation (MAFC).

Bagi pelaburan dalam bidang pertanian luar negara, pihak Kementerian sedang berbincang dengan beberapa syarikat GLC untuk kemungkinan membuat pelaburan dalam sektor perladangan dan syarikat-syarikat pengeluaran makanan di luar negara.

**SOALAN NO. 18**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD**  
**GHAZALI**  
**[ TITIWANGSA ]**

**TARIKH JAWAPAN : 6 NOVEMBER 2008 (KHAMIS)**  
**DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

**Y. B. Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali minta MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI menyatakan :**

(a) punca pihak NTV7 dan 8TV dibenarkan menyiarkan program yang berunsurkan seks, menjolok mata dan tahyul seperti Desperate Housewives, Elly, Deal or No Deal, Beauty & The Geek, American's Next Top Model, Seekers, Ghost dan sebagainya; dan

(b) apakah program-program berkenaan telah benar-benar ditapis oleh pihak Kementerian sebelum ditayangkan.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Stesen TV swasta adalah diwajibkan untuk mematuhi segala peruntukan undang-undang yang terdapat dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 ("AKM 1998") dan juga undang-undang lain yang berkuatkuasa terhadapnya. Ini termasuk Akta Penapisan Filem 2002 yang menetapkan bahawa semua bahan filem, sama ada untuk siaran di pawagam atau stesen TV dan program atau rancangan TV yang dirakamkan perlu diluluskan oleh Lembaga Penapis Filem (LPF), Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

Pegawai-pegawai LPF juga ditempatkan di stesen-stesen TV swasta bagi tujuan menonton dan menapis setiap rancangan atau program TV sebelum ia disiarkan oleh stesen-stesen TV tersebut.

Pematuhan kepada peruntukan Akta Penapisan Filem 2002 merupakan syarat lesen bagi setiap stesen TV swasta. Kegagalan untuk mendapatkan kelulusan pihak LPF merupakan satu kesalahan di bawah Akta Penapisan Filem 2002, malah ia juga melanggar

syarat lesen. Pihak TV swasta boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan.

Selain kelulusan daripada LPF, rancangan atau program untuk siaran TV juga akan diklasifikasikan. Sebagai contoh, sekiranya drama tersebut mengandungi unsur ganas atau seks yang tidak keterlaluan maka ia akan diklasifikasikan sebagai 18SG atau untuk tayangan 18 tahun ke atas dan hanya dibenarkan bersiaran pada jam 10 malam ke atas.

Rancangan-rancangan yang telah disiarkan melalui NTV7 dan 8TV seperti Desperate Housewives, Elly, Deal or No Deal, Beauty & The Geek, American's Next Top Model, Seekers, dan Ghost telah melalui proses penapisan dan mendapat kelulusan LPF. Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi (KTAK) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) tidak menjalankan fungsi-fungsi penapisan, sebaliknya berfungsi sebagai pengawalselia stesen-stesen penyiaran swasta. KTAK melalui SKMM sentiasa memantau rancangan-rancangan yang disiarkan dan akan mengambil tindakan sewajarnya sekiranya stesen penyiaran menyediakan kandungan yang bertentangan dengan syarat-syarat lesen serta garis panduan yang ditetapkan.

Sebagai langkah tambahan, Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan Pemantauan Siaran Televisyen dan Radio Awam dan Swasta (JKPPSTRAS) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KTAK dan dianggotai oleh pegawai kanan pelbagai agensi termasuk SKMM dan semua Kementerian yang mempunyai kepentingan dalam industri penyiaran. Jawatankuasa ini bertindak sebagai saluran dua hala untuk memastikan pematuhan terhadap dasar kerajaan dan juga mendengar pendapat industri untuk pertimbangan kerajaan. Jawatankuasa ini juga memainkan peranan dalam menasihati pihak penyiar terhadap kandungan yang disiarkan agar tidak membawa gejala yang negatif.

\*\*\*\*\*

SOALAN : NO. 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. Puan Teresa Kok Suh Sim  
[Seputeh ]**

**TARIKH JAWAPAN : 6 NOVEMBER 2008  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

**Puan Teresa Kok Suh Sim** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sejauh manakah berjayanya Kerajaan melaksanakan dasar bahan api ke-5 (5th fuel policy) yang diperkenalkan pada tahun 1998 dan termaktub dalam RMK-8 dan RMK-9. Apakah langkah Kerajaan untuk memperkenalkan Bahan Api Ke-5 untuk mencapai keselamatan tenaga (energy security).

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Dasar Lima Bahan Api (*Five-Fuel Policy*) yang telah diperkenalkan pada tahun 2000 adalah bertujuan untuk menjamin keselamatan tenaga di negara ini melalui usaha mempelbagaikan sumber bahan api untuk penjanaan tenaga elektrik dan mengurangkan kebergantungan kepada sumber tenaga sedia ada (di bawah Dasar Empat Bahan Api) iaitu minyak, gas, hidro dan arang batu. Sumber Tenaga Boleh Diperbaharu atau *Renewable Energy* (RE) yang telah dikenalpasti termasuklah biomass, biogas, sisa buangan pepejal (*solid waste*), tenaga suria dan mini hidro.

Program *Small Renewable Energy Programme* (SREP) telah dilancarkan pada tahun 2001 sebagai salah satu strategi untuk menggalakkan pembangunan projek-projek RE. Sejak dilancarkan, Kerajaan telah meluluskan sejumlah 49 cadangan untuk melaksanakan aktiviti penjanaan tenaga di bawah program SREP dengan kapasiti berjumlah 266.9 MW. Daripada jumlah tersebut sebanyak 19 pemaju telah menandatangani *Renewable Energy Power Purchase Agreement* (REPPA) dengan pihak utiliti berkaitan, iaitu TNB dan SESB dengan kapasiti berjumlah sebanyak 104.75MW.

Dua projek SREP yang telah berjaya dilaksanakan dan disambungkan ke sistem grid setakat ini adalah projek penjanaan elektrik berasaskan sisa sawit atau *biomass* dengan kapasiti sebanyak 10MW di Sabah dan projek penjanaan elektrik berasaskan *landfill gas* dengan kapasiti sebanyak 2MW di Puchong, Selangor. Selain itu, saya memaklumkan bahawa pada akhir tahun ini adalah dijangkakan 4 projek RE berasaskan sisa sawit dengan jumlah kapasiti 30.5MW akan dilaksanakan di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Di samping penjanaan elektrik yang disambung ke sistem grid, terdapat sejumlah kapasiti sebanyak 700MW tenaga elektrik yang dijana melalui sumber RE oleh syarikat-syarikat pemprosesan minyak sawit dan pemprosesan kayu balak untuk kegunaan persendirian.

Berhubung dengan tenaga suria, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan dengan kerjasama *United Nations Development Program* (UNDP) juga sedang melaksanakan Projek *Malaysian Building Integrated Photovoltaic* (MBIPV) yang bertujuan untuk menggalakkan penggunaan tenaga suria dalam penjanaan tenaga elektrik di Malaysia. Projek ini telah dilancarkan pada tahun 2005 dan dilaksanakan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia ke-9 (2006-

2010) dan menyasarkan penjanaan elektrik dari sumber tenaga solar berjumlah 1,500kW sepanjang tempoh ini. Di bawah projek ini terdapat Program SURIA 1000 yang telah dilaksanakan untuk menjana pertumbuhan pasaran BIPV di samping menyediakan peluang secara langsung kepada lebih ramai pihak termasuk orang awam bagi melibatkan diri dalam usaha penggunaan sumber tenaga alternatif melalui tenaga suria. Setakat ini, 50 permohonan dengan kapasiti berjumlah 261kW yang merangkumi bangunan kediaman dan bangunan komersil di seluruh Malaysia telah pun diluluskan. Saya suka memaklumkan bahawa, semenjak Program Suria 1000 dilancarkan, harga kos seunit (*unit cost*) sistem BIPV telah menurun sebanyak 14% daripada RM31 per kW kepada RM27 per kW.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menggalakkan lagi pembangunan RE sebagai bahan api ke-  
lima, Kementerian saya telah mengambil beberapa langkah seperti  
berikut :

- (i) menaikkan harga jualan elektrik bagi projek-projek SREP berasaskan sumber biomass dan biogas daripada 19 sen/kWjam kepada 21 sen/kWjam bermula pada Ogos 2007;

- (ii) mempermudah beberapa syarat dalam Perjanjian Jual Beli Tenaga RE (*Renewable Energy Power Purchase Agreement*, REPPA) untuk projek-projek RE dengan kapasitas kurang dari 2MW; dan
- (iii) memperolehi kelulusan insentif-insentif fiskal projek-projek RE seperti pemberian Status Perintis (*Pioneer Status*) dengan 100% Pengecualian Cukai Pendapatan Tetap kepada syarikat yang menggunakan sumber RE untuk kegunaan sendiri; atau Pengecualian Cukai Pelaburan sebanyak 100% (*Investment Tax Allowance*) ditolak daripada 100% pendapatan tetap dalam tempoh 5 tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian saya pada masa kini sedang merangka Pelan Tindakan Tenaga Boleh Diperbaharu sebagai usaha Kerajaan untuk memastikan penggunaan sumber tenaga RE dapat menyumbang kepada campuran bahan api negara. Pelan Tindakan Tenaga Boleh Diperbaharu ini merangkumi aspek polisi, *Renewable Energy Power Purchase Agreement* (REPPA), kewangan dan lain-lain isu penting bagi menjamin pembangunan pesat RE di negara ini secara tidak langsung dapat membantu menjamin keselamatan bekalan tenaga

elektrik negara disamping menjaga ekonomi. Berdasarkan unjuran yang telah dibuat, permintaan tenaga elektrik pada tahun 2030 ialah sebanyak 32,000MW dan adalah dijangkakan bahawa RE akan menyumbangkan lebih kurang 8% atau 2,500MW tenaga elektrik kepada campuran tenaga elektrik menjelang tahun tersebut. Dengan pencapaian sasaran ini, adalah diharapkan Tenaga Boleh Diperbaharu dapat membantu menangani cabaran-cabaran yang dihadapi dalam sektor tenaga di negara ini seperti masalah bekalan dan kenaikan harga bahan api fosil seperti minyak, gas dan arang batu serta perubahan iklim.

\*\*\*\*\*

SOALAN NO: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN CHONG ENG (BUKIT MERTAJAM)**

**TARIKH : 06/11/2008**

**RUJUKAN : 1312**

**Soalan:**

**Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan nisbah anggota polis kepada penduduk Seberang Perai Tengah (SPT) di Pulau Pinang memandangkan indeks jenayah di SPT agak tinggi. Adakah Kementerian akan menambah anggota polis dan balai polis di SPT.

**Jawapan:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Mertajam yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah penduduk di SPT adalah seramai 553,142 orang dengan jumlah anggota polis seramai 741 orang. Ini menjadikan nisbah anggota polis kepada jumlah penduduk di SPT adalah 1:747.

Penambahan keanggotaan PDRM dibuat dari semasa ke semasa mengikut keperluan berdasarkan kriteria berikut :

1. Pertambahan jumlah penduduk
2. Peningkatan kadar jenayah (jenayah dadah, kekerasan terhadap tubuh badan, kehilangan harta benda, jenayah komersial dan lain-lain.
3. Perubahan *trend* jenayah semasa yang dipengaruhi kemajuan industri dan teknologi maklumat yang memerlukan pegawai dan anggota polis yang mempunyai kepakaran yang khusus.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

Pertanyaan : **LISAN**

Daripada : **DATO' RASHID BIN DIN [ MERBOK ]**

Tarikh : **KHAMIS, 6 NOVEMBER 2008**

**SOALAN**

**Dato' Rashid bin Din [ Merbok ]** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan walaupun RTM telah menyatakan keterbukaan siaran, bilakah RTM akan menjemput Ahli Parlimen dari pembangkang untuk rancangan 'Sejam Bersama Ahli Parlimen' di TV1.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih kepada YB Merbok atas soalan yang dikemukakan.

Buat masa ini, RTM belum pernah menerbitkan rancangan 'Sejam Bersama Ahli Parlimen', namun bersedia menimbangkannya. Sebagai bukti dasar keterbukaan RTM, ahli-ahli Parlimen dari pihak pembangkang turut menjadi tetamu dalam segmen 'Bersama Ahli Parlimen' dalam Rancangan Parlimen Hari Ini yang disiarkan pada jam 11.30 malam dan Lintas Langsung dari Parlimen pada jam 10 pagi di RTM1. Di antara yang pernah mengambil bahagian ialah YB

**SOALAN NO : 21**

Tuan Salahuddin Haji Ayob (Kubang Kerian), YB Datuk Ab. Halim Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) dan YB Dr. Tan Seng Giaw (Kepong).

Disediakan oleh:

**Haji Ismail Zakaria**  
**Berita TV RTM**

No: 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL**  
**TARIKH : 6 NOVEMBER 2008 (KHAMIS)**  
**NO. SOALAN : 22**

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [ Balik Pulau ] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap pelajar-pelajar yang melibatkan diri di dalam politik seperti Kelab UMNO UK yang setiap tahun akan kembali ke tanah air mengikuti persidangan UMNO dan secara terang terlibat di dalam aktiviti-aktiviti politik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Penuntut Malaysia (MSD) tidak menghalang mana-mana pelajar menubuhkan persatuan untuk menjaga kebajikan mereka di luar negara. Penglibatan pelajar dalam persatuan mampu mengukuhkan hubungan sesama pelajar, jati diri dan semangat patriotik serta mengekalkan adat resam dan ajaran agama.

*SULIT*

NO SOALAN : 23

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR MUJAHID BIN HAJI  
YUSOF RAWA  
(PARIT BUNTAR)**

**TARIKH : 06 NOVEMBER 2008  
(KHAMIS)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah ada kuota secara persefahaman untuk memperolehi senjata di kalangan negara ASEAN bagi menguruskan perlumbaan senjata di antara negara anggota.**

*SULIT*

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Tidak ada kuota secara persefahaman untuk memperolehi senjata di kalangan negara ASEAN. Prinsip asas ialah menghormati negara anggota dan polisi tidak campur tangan dalam hal ehwal negara jiran adalah menjadi keutamaan. Sebuah negara yang berdaulat adalah berhak untuk memperolehi senjata yang diperlukan berdasarkan kepada kemampuan ekonomi, keperluan untuk membina keupayaan ketenteraan bagi mempertahankan kepentingan strategik dan kedaulatan negara masing-masing.

Namun demikian, negara ASEAN mempunyai mekanisme tertentu dimana secara tidak langsung dapat mengelakkan daripada berlakunya perlumbaan senjata di kalangan negara anggota. Di antara mekanisme-mekanisme tersebut adalah seperti berikut:

- a. ASEAN berdiri dan berfungsi sebagai satu entiti yang memperjuangkan *Zon of Peace Freedom and Neutrality* atau ZOPFAN.

*SULIT*

b. *ASEAN Regional Forum (ARF)* merupakan mekanisme terkini dalam konteks *Confidence Building Measure (CBM)* dan ianya merupakan saluran yang telus yang sentiasa menilai dan mengelak rantau ini dan ASEAN khususnya dari terjebak di dalam kancah perlumbaan senjata.

c. Peranan aktif yang dimainkan oleh PBB serta pertubuhan-pertubuhan tertentu seperti *Stockholm International Peace Research Institute* atau SIPRI yang sentiasa menilai tahap perolehan dan pembelian senjata di kalangan negara-negara pengeluar dan pembeli dapat mengelak daripada rantau ini terjerumus ke kancah perlumbaan senjata.

NO. SOALAN: 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK IR. EDMUND CHONG KET WAH**

**TARIKH : 6 NOVEMBER 2008 [ KHAMIS ]**

**SOALAN:**

**Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah [ Batu Sapi ] minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimanakah peruntukan sebanyak RM50 juta untuk Sabah akan digunakan bagi mengusir pendatang tanpa izin di Sabah.**

**JAWAPAN:     Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan Malaysia telah melancarkan Operasi Bersepadu bagi tujuan pengusiran pendatang tanpa izin di Sabah bermula Ogos 2008 sehingga tarikh tamat yang akan ditentukan kemudian. Sehubungan dengan itu, kerajaan mensasarkan siri-siri Operasi Bersepadu di seluruh negeri Sabah dilaksanakan sehingga kerajaan berpuas hati jumlah pendatang tanpa izin dapat dikurangkan sehingga bilangannya terlalu minima. Operasi tersebut meliputi dua aspek iaitu penangkapan dan pengusiran.

Peruntukan RM50 juta yang disediakan oleh kerajaan digunakan untuk membiayai kedua-dua aspek operasi tersebut. Bagi tujuan penangkapan pendatang tanpa izin, peruntukan digunakan untuk membiayai kos sewaan kenderaan dan logistik, kos pengangkutan, kos makanan dan penempatan pendatang tanpa izin di Pusat-pusat Tahanan Sementara serta tuntutan-tuntutan agensi-agensi yang terlibat bagi tujuan pelaksanaan operasi.

Peruntukan RM50 juta tersebut turut membiayai kos penghantaran pulang pendatang tanpa izin yang merangkumi kos pengangkutan perjalanan daripada Pusat-pusat Tahanan Sementara ke Pusat Penghantaran Pulang Pendatang Tanpa Izin di Tawau, Sabah (bagi pendatang tanpa izin Indonesia) dan di Sandakan, Sabah (bagi pendatang tanpa izin Filipina). Selain itu, peruntukan tersebut turut

membiayai kos tambang feri bagi setiap pendatang tanpa izin dari Pusat Penghantaran Pulang Pendatang Tanpa Izin tersebut di Sabah ke negara asal mereka.

Sekian, terima kasih.

LAMPIRAN J

SOALAN 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN**

**BIN ABBAS[ TELUK KEMANG]**

**TARIKH : 6 NOVEMBER 2008**

**SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN**

**menyatakan:**

- a) Sebab-sebab mengapa Pusat Informasi Pelancongan di Port Dickson yang sebelum ini diselenggara oleh Malaysia Association Hotel masih gagal beroperasi.
- b) Jumlah pusat-pusat informasi pelancongan di seluruh negara yang dibuka dan ditutup.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

a) Pusat Penerangan Pelancongan (TIC) Lebuhraya Seremban-Port Dickson merupakan salah satu daripada 31 TIC seluruh negara yang telah dikenalpasti oleh Tourism Malaysia untuk diambil-alih dan akan melibatkan pengubahsuaian semula dengan menyediakan kakitangan petugas serta prasarana yang lengkap.

Majlis Perbandaran Port Dickson telah mengemukakan surat kepada Tourism Malaysia bertarikh 25 Mei 2008 memaklumkan bahawa pihak MPPD tiada halangan untuk Tourism Malaysia mengambil-alih pengurusan operasi TIC tersebut sepenuhnya.

Walau bagaimanapun, pada 9 Jun 2008 Kementerian Kewangan Malaysia telah mengeluarkan Pekeliling Bilangan 9

Tahun 2008 yang antara lain tidak membenarkan penambahan ruang pejabat baru serta pengubahsuaian pejabat selain meminta segala pembelian aset, penambahan kakitangan serta kelengkapan pejabat ditangguhkan.

Namun atas dasar keperluan segera, Tourism Malaysia Negeri Sembilan telah menempatkan kakitangan sedia-ada bermula 25 Julai 2008 di TIC ini dan kini ianya beroperasi pada Hari Jumaat hingga Ahad.

Pusat Penerangan Pelancongan ini adalah di bawah pengurusan Persatuan Hotel Negeri Sembilan dengan menempatkan ahli-ahlinya secara bergilir-gilir dari hari Jumaat hingga Ahad bermula dari Disember 2007 hingga 31 Mei 2008.

Sehingga ke tarikh ini jumlah Pusat Informasi Pelancongan (TIC) atau Pusat Penerangan Pelancongan di bawah Kementerian Pelancongan adalah berjumlah 31 buah

termasuk di pejabat-pejabat negeri Tourism Malaysia di seluruh negara. Tiada pusat-pusat tersebut ditutup sehingga kini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI**  
**TARIKH : 6 NOVEMBER 2008 (KHAMIS)**  
**NO. SOALAN : NO. 26**

**TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [Bagan Serai]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh mana sistem meritokrasi yang diamalkan di IPTA menggambarkan keseimbangan kaum.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar pengambilan pelajar mengikut kuota telah dihapuskan dan diganti dengan dasar meritokrasi yang telah diguna pakai sejak Sesi Akademik 2002/2003. Mulai Sesi Akademik 2007/2008, dasar meritokrasi mengambil kira 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum. Melalui kaedah ini, pemilihan kemasukan pelajar adalah berdasarkan susunan merit, pilihan program pengajian, pilihan IPTA dan bilangan tempat yang disediakan bagi setiap program pengajian di IPTA.

Secara keseluruhan, pengambilan pelajar menerusi Dasar Meritokrasi ke IPTA pada sesi akademik 2008/2009 mengikut pecahan kaum ialah **Bumiputera 24,989 (62.19%), Cina 12,445 (30.97%) dan India 2,750 (6.84%)**. Manakala komposisi populasi rakyat Malaysia bagi kohort 17 hingga 23 tahun yang merupakan jajaran umur kemasukan ke IPTA iaitu 70% Bumiputera, 21% Cina, 7% India dan 2% lain-lain. Data ini menunjukkan, kaum Cina melebihi komposisi kohortnya, kaum India agak setara, manakala peratusan kemasukan kaum bumiputera di bawah komposisi kohort.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]**

**TARIKH : 6 NOVEMBER 2008 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pihak Kerajaan bersedia untuk memansuhkan hukuman '*natural life*' yang diperuntukkan dalam undang-undang negara kerana hukuman tersebut berunsurkan kekejaman dan merupakan hukuman yang tidak adil.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Jika dilihat pada keseriusan jenayah yang berlaku dalam masyarakat hari ini, adalah wajar bagi Kerajaan untuk mengekalkan hukuman mati bagi mengekang kesalahan-kesalahan berat seperti membunuh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan (*Akta 574*), pengedaran dadah berbahaya di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 (*Akta 234*) dan kesalahan-kesalahan berhubung dengan senjata api, amunisi dan bahan letupan di bawah seksyen 57 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (*Akta 82*), daripada menjadi semakin serius.

Begitu juga dengan hukuman selama tempoh hayat (*natural life*) turut membabitkan kesalahan yang serius sebagai contoh bagi kesalahan di bawah seksyen 4 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 (*Akta 37*) iaitu menunjukkan senjata api pada masa melakukan sesuatu kesalahan seperti rompakan dan pemerasan, dan kesalahan di bawah seksyen 32 Akta Senjata 1960 (*Akta 206*) iaitu menggunakan dan memiliki senjata dalam kes tertentu.

Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk menghapuskan hukuman mati atau hukuman selama tempoh hayat daripada sistem keadilan jenayah negara. Kerajaan berpendapat bahwa hukuman-hukuman ini masih perlu dan relevan bagi kesalahan-kesalahan berat yang tertentu dalam negara.

Sekian, terimakasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
(SUNGAI SIPUT)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 06.11.2008**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah bayaran royalti, cukai dan lain kepada Kerajaan Malaysia oleh syarikat minyak asing yang beroperasi di Malaysia apabila harga petroleum adalah US \$40 setong (barrel), US \$70 setong (barrel) dan US \$140 setong (barrel).

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, royalti yang dibayar oleh Petronas kepada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM5.9 bilion pada tahun 2008 adalah merangkumi royalti daripada syarikat minyak asing yang beroperasi di Malaysia berdasarkan perjanjian *Profit Sharing Contract* (PSC). Manakala, terdapat empat faktor yang mempengaruhi anggaran kutipan cukai pendapatan petroleum iaitu harga minyak mentah dunia, kuantiti pengeluaran, kadar pertukaran asing dan perbelanjaan yang dibenarkan potongan cukai. Selain itu, duti eksport dikenakan sebanyak 10% ke atas nilai kuantiti yang dieksport.

2. Anggaran jumlah cukai yang akan dibayar oleh syarikat minyak asing yang beroperasi di Malaysia apabila harga minyak mentah dunia sebanyak USD40, USD70 dan USD140 setong adalah seperti berikut:

| <b>Harga Petroleum Setong<br/>(USD)</b> | <b>Anggaran Hasil Cukai<br/>(RM Bilion)</b> |
|---|---|
| 40                                      | 2.4   |
| 70                                      | 4.2   |
| 140                                     | 8.3   |

3. Anggaran hasil cukai ini adalah berdasarkan kuantiti eksport, kadar tukaran asing yang diunjurkan bagi tahun 2008 dan kuantiti pengeluaran oleh syarikat minyak asing pada tahun 2007 bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan petroleum berdasarkan kaedah tahun sebelumnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B. TUAN MAHFUZ BIN OMAR  
(POKOK SENJA)  
TARIKH : 6 NOVEMBER 2008 (KHAMIS)

**SOALAN:**

Tuan Mahfuz bin Omar (Pokok Senja) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah hasil siasatan dalaman perisian keputusan Sukan Malaysia (SUKMA) dan apakah Kementerian juga menjalankan siasatan berkaitan isu kejohanan bola sepak Piala CYC yang mengakibatkan negara menanggung kerugian sehingga RM14 juta serta nyatakan hasil siasatan tersebut.

**JAWAPAN**

1. Berhubung status siasatan kes ini, Jawatankuasa Siasatan Dalaman Kementerian Belia dan Sukan telah pun menyiapkan tugas dan mengemukakan laporan, penemuan-penemuan dan syor untuk tindakan selanjutnya. Ini termasuklah usaha-usaha penambahbaikan terhadap kelemahan-kelemahan yang wujud serta tindakan terhadap pegawai-pegawai yang terlibat.
2. Mengenai isu berkaitan CYC, sememangnya berlaku pelanggaran kontrak yang telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak, di mana

pihak syarikat gagal untuk mendapatkan *sanction*. Justeru, perkara ini merupakan isu *contractual* yang telah pun di rujuk ke Pejabat Peguam Negara di mana kedua-dua pihak telah bersetuju untuk merujuk perkara ini ke Timbangtara (*Arbitration*). Dengan itu pihak Kementerian berpendapat perkara ini tidak perlu diadakan siasatan dalaman kerana akan diputuskan oleh pihak Timbangtara.

NO SOALAN: ~~24~~ 30:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B. TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]  
TARIKH : 6 NOVEMBER 2008

SOALAN :

Y.B TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana Kerajaan berpuas hati dengan pencapaian Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dalam meningkatkan amalan hak asasi di Malaysia.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan berpendapat bahawa SUHAKAM telah pun menjalankan tugas dan tanggungjawabnya untuk meningkatkan tahap hak asasi manusia di Malaysia berdasarkan fungsi dan kuasa yang telah diberi kepadanya di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1997.

PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

---

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN  
[BUKIT BINTANG]  
TARIKH : KHAMIS, 6 NOVEMBER 2008  
RUJUKAN : 31  
SOALAN :

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan kedudukan program meningkatkan sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur bagi mengatasi kesesakan lalu lintas yang belum selesai di Kuala Lumpur serta kelewatan bas-bas penumpang tiba di sesebuah perhentian bas untuk mengambil penumpang yang sudah lama menunggu.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, Kementerian Wilayah Persekutuan sedang berusaha untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur secara menyeluruh dan bersepadu dengan memberi penekanan kepada usaha-usaha mempertingkatkan pengangkutan awam di Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Langkah-langkah ini terbahagi kepada 5 kategori yang menggariskan 66 pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang iaitu:

- i. jaringan jalanraya dan pengurusan lalu lintas
- ii. pengangkutan awam
- iii. kemudahan sokongan
- iv. *Intelligent Transportation System*

v. Institusi dan Organisasi

Pelan tindakan tersebut perlu dilaksanakan secara menyeluruh bersama-sama 13 agensi berlainan yang berkaitan dengan pengangkutan awam di Kuala Lumpur dan Lembah Klang bagi memastikan kejayaannya.

Selain itu, Kementerian ini dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang dalam perancangan untuk menyediakan perkhidmatan bas secara sirkulasi kepada orang ramai di pusat bandar Kuala Lumpur. Perkhidmatan bas ini akan membawa penumpang ke destinasi-destinasi terpilih yang menjadi *Central Business District(CBD)*. Perkhidmatan ini kelak akan dapat mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian di kawasan pusat bandar dan mengatasi masalah kesesakan lalu lintas serta masalah kelewatan bas-bas penumpang yang dialami orang ramai ketika ini.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
[KUANTAN])**

**TARIKH : 6 NOVEMBER 2008**

**SOALAN:**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ] minta PERDANA MENTERI menyatakan status dan perkembangan mengenai 11 842 pemilih (yang tercatat dalam daftar pemilih SPR 2004) yang menggunakan kad pengenalan lama yang belum dapat dikesan sehingga kini.**

**JAWAPAN:      Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status 11,842 orang pemilih yang masih belum dapat dikesan itu, masih belum boleh diputuskan oleh Ahli Panel SPR. Ini adalah kerana senarai tersebut kini sedang disemak status terkininya oleh pihak JPN.

Sekian, terima kasih.

SULIT

NO SOALAN : ~~30~~ 33

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA  
ABDUL GHAPUR BIN HAJI  
SALLEH  
(KALABAKAN)**

**TARIKH : 06 NOVEMBER 2008  
(KHAMIS)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah Kementerian merancang untuk membina pagar di sekeliling Markas Tentera Laut di Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu yang dianggap tidak lengkap dalam kemudahan keselamatan.**

*SULIT*

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pembinaan Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Teluk Sapangar Fasa 1 yang menempatkan bangunan pentadbiran, hospital, sekolah dan rumah kediaman telah siap sepenuhnya. Pangkalan ini telah dilengkapi dengan pagar keselamatan beserta *jeep track* untuk rondaan di keseluruhan parameter Pangkalan. Selain daripada itu, keseluruhan parameter Pangkalan juga telah dilengkapi dengan rangkaian sistem kamera *CCTV* bagi mempertingkatkan lagi pengawasan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pembinaan Pangkalan bagi Fasa 2 iaitu, Pangkalan Kapal Selam pula sedang dalam pembinaan dan dijangka siap sepenuhnya bulan Mei 2009. Pangkalan ini akan dilengkapi dengan kemudahan pagar bercirikan '*anti-climb* dan juga dilengkapi dengan rangkaian sistem kamera *CCTV*.